Lim Yack Boon lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan Satu Yang Lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44-3-89
AHMAD FAIRUZ PK
15 NOVEMBER 1989

Tahanan Pencegahan — Habeas corpus — Samada Lembaga Penasihat mempunyai kuasa mengesyorkan kepada menteri untuk melanjutkan tahanan — Adakah penahanan selepas tarikh kajian semula hingga ke tarikh bermulanya perintah lanjutan itu sah atau tidak — Kesan ketidakpatuhan tegas undang-undang yang merampas kebebasan persendirian — Tempoh bermulanya penahanan tidak mengikut tarikh perintah — Kesannya — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, ss 3(2), 6(1) & 16 — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985, s 11(4) & 11(A) — Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Khas Pencegahan) (Peraturan Lembaga Penasihat) 1987, kaedah 9(1)

Tafsiran Statut — Perkataan dalam statut digunakan dengan pengertian biasa — Rujuk makna dalam kamus — Pakai tafsiran yang menzahirkan sesuatu yang adil, menasabah dan waras — Perkataan yang berlainan yang digunakan dalam statut merujuk kepada perkara yang berlainan juga — Makna sesuatu statut diperolehi daripada penelitian statut itu pada keseluruhannya — Undang-undang berkenaan penahanan mesti ditafsirkan dengan tegas

Perkataan dan Rangkai Kata — 'Diteruskan' — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, s 11(4)

Pemohon telah ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta 316') dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985 ('Akta A629'). Perintah yang menahannya ditandatangani pada 4 Jun 1987 dan mengikutnya pemohon ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor selama dua tahun mulai 5 Jun 1987. Dari 28 Februari 1989 hingga 3 Mac 1989, pemohon telah dibawa ke Pulau Jerejak untuk menghadiri persidangan kajian semula oleh Lembaga Penasihat di bawah s 11 Akta 316. Persidangan itu diadakan pada 1 Mac 1989 dan melalui perintah tahanan lanjutan (di bawah s 11A Akta 316) bertarikh 2 Jun 1989 jangka masa perintah tahanan bertarikh 4 Jun 1987 telah dilanjutkan selama satu tahun mulai 'sebaik sahaja jangka masa semasa tempoh perintah tahanan itu tamat', iaitu mulai 4 Jun 1989. Peguam pemohon mempertikaikan kesahihan penahanan pemohon atas tiga alasan:

(1) Perkataan 'hari' dalam s 3(2)(c) Akta tersebut hendaklah dikira bermula daripada tengah malam dan bukan daripada masa pemohon ditangkap.
(2) Lembaga Penasihat dalam membuat pengesyorannya melanjutkan penahanan pemohon tidak mematuhi peruntukan s 11(4) yang memerlukan pihak lembaga melapurkan kepada menteri berkenaan samada penahanan itu patut diteruskan.
(3) Ketika pemohon dibawa ke Tempat Tahanan Pulau Jerejak pada 28 Februari 1989 untuk menghadiri persidangan kajian semula oleh Lembaga Penasihat, penahanan adalah dibuat tanpa kuasa perundangan yang betul, yakni tidak mematuhi s 16.

Akhir sekali, pemohon berhujah bahawa penahanannya tidak sah kerana perintah yang menahannya bertarikh 4 Jun 1987 manakala perintah itu mengarahkan pemohon ditahan selama dua tahun mulai 5 Jun 1987.

Diputuskan, membenarkan permohonan pemohon dan mengeluarkan writ habeas corpus dengan serta merta:

(1) Tanpa definasi 'hari' dalam Akta 316 dan Akta Interpretasi 1967, perkataan itu diberi pengertian biasa dan mahkamah mendapati tafsirannya oleh peguam pemohon melanggari s 3(2)(b) dan tidak menasabah dan oleh itu ditolak.

(2) Perbuatan Lembaga Penasihat itu yang mengesyorkan supaya penahanan pemohon dilanjutkan manakala lembaga hanya berkuasa mengesyorkan penerusan penahanan itu adalah jelas melanggari s 11(4), maka mahkamah berpendapat bahawa penahanan pemohon mulai tarikh akhir bilamana Lembaga Penasihat perlu mengadakan kajian semula hingga ke tarikh akhir perintah tahanan di bawah s 6 itu adalah tidak sah. Perbezaan pengertian perkataan 'dilanjutkan' atau 'diteruskan' dalam konteks Akta ini adalah perlu. Perkataan 'diteruskan' dalam s 11(4) itu adalah berkaitan dengan penahanan di bawah s 6 dan bererti tindakan penerusan penahanan itu ialah untuk baki tempoh masa yang diliputi oleh perintah itu. Perkataan 'dilanjutkan' membawa erti penyambungan penahanan dari mulanya saat akhir perintah itu. Ketidakpatuhan tegas peruntukan undang-undang oleh lembaga bukan sahaja mempunyai kesan atas kebebasan penohon tetapi juga menyebabkan penahanan seterusnya tidak sah di sisi undang-undang.

(3) Responden telah gagal mematuhi kehendak s 16 yang memerlukan menteri mengeluarkan perintah supaya pemohon dibawa ke Pulau Jerejak untuk menghadiri kajian semula oleh Lembaga Penasihat. Maka, pemohon perlu dibebaskan dengan serta-merta kerana perintah lanjutan bertarikh 2 Jun 1989 tidak berkemampuan dari sudut undang-undang untuk menahan pemohon.

(4) Oleh kerana perintah tahanan itu bertarikh 4 Jun 1987 tetapi mengarahkan pemohon ditahan selama dua tahun mulai 5 Jun 1987, maka tahanan itu tidak mengikut undang-undang.

[The applicant was detained under the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985 ('Act 316') and the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) (Amendment) Act 1985 ('Act A629'). The detention order was signed on 4 June 1987 and pursuant to the said order the applicant was detained in the Rehabilitation Centre Muar, Johor for a period of two years with effect from 5 June 1987. From 28 February 1989 to 3 March 1989, the applicant was taken to Pulau Jerejak to attend an inquiry for review by the Advisory Board under s 11 of Act 316. The said inquiry was held on 1 March 1989. Pursuant to an extension detention order (under s 11A of Act 316) dated 2 June 1989, the period under the detention order dated 4 June 1987 was extended for another one year to commence immediately after the expiry of the said detention order that is, from 4 June 1989. The applicant's counsel challenged the validity of the detention on three grounds:

(1) The word 'day' in s 3(2)(c) of the Act should be calculated commencing from midnight and not from the time the applicant was arrested.
(2) The Advisory Board in making its recommendation to extend the detention of the applicant did not comply with the provisions of s 11(4) which required the board to report to the minister whether the said detention should be continued.
(3) When the applicant was transferred to Pulau Jerejak Detention Centre for review by the Advisory Board, the detention was not done in accordance with powers under statutory provisions, ie did not follow s 16.

Lastly, the applicant argued that the detention was invalid because the detention order was dated 4 June 87 whilst it ordered the applicant to be detained for two years with effect from 5 June 1987.

Held, allowing the applicant's application and issuing a writ of habeas corpus immediately:

(1) Without the definition of the word 'day' in Act 316 and the Interpretation Act 1967, the said word should be given its ordinary meaning and since the court found that the interpretation of the applicant's counsel contravenes s 3(2)(b) and is unreasonable, it is therefore rejected.

(2) The Advisory Board's action in recommending the applicant's detention be extended whilst the board only had powers to recommend the continuance of the said detention clearly contravenes s 11(4), therefore the court is of the opinion that the applicant's detention beginning from the expiry of time wherein the board ought to review until the date of expiry of the detention order under s 6 is invalid. A distinction ought to be drawn between the meaning of 'extended' and 'continued' within the context of the Act. The word 'continued' means continuing the detention for the remaining term under the said order until it ends. The word 'extended' means adding on the detention from the moment the detention order ends. Failure of the board to strictly observe provisions of the law not only affects freedom but also makes further detention illegal.

(3) The respondent has failed to follow the requirements of s 16 which required the minister to issue the order for the applicant to be brought to Pulau Jerejak to attend the review inquiry by the Advisory Board. Therefore, the applicant has to be released immediately because the extension order dated 2 June 1989 is ineffective in law to detain the applicant.

(4) As the detention order was dated 4 June 1987 but ordered the applicant to be detained for two years with effect from 5 June 1987, the said detention is not in accordance with law.]

[*Nota Penyunting*: Pihak responden telah merayu kepada Mahkamah Agung menerusi Rayuan Jenayah No 05-170-1989.]

Kes-kes rujukan

1 *R* v *Peters* (1886) 16 QBD 636 (diikut)
2 *Siva Segara* v *PP* [1984] 2 MLJ 212 (diikut)
3 *Allen* v *Thorn Electrical Industries Ltd* [1968] 1 QB 487 (diikut)
4 *Black-Clawson International* v *Papierwerke AG* [1975] AC 591 (diikut)
5 *A-G* v *Till* [1910] AC 50 (diikut)
6 *Holmes* v *Bradfield Rural District Council* [1949] 2 KB 1 (diikut)
7 *Yew Lean Finance Development (M) Sdn Bhd* v *Director of Lands and Mines, Penang* [1977] 2 MLJ 45 (diikut)
8 *Kimpton* v *The Steel Co of Wales Ltd* [1960] 2 All ER 274 (dirujuk)
9 *PP* v *Datuk Tan Cheng Swee* [1979] 1 MLJ 166 (dirujuk)
10 *Anisminic* v *Foreign Compensation Commission* [1969] 2 AC 147; [1969] 1 All ER 208 (dirujuk)
11 *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* v *Chua Teck* [1990] 1 MLJ 104 (dibezakan)
12 *Re Tan Boon Liat* [1977] 2 MLJ 108 (diikut)
13 *Ex p Johannes Choeldi* [1960] MLJ 184 (dirujuk)
14 *The Reverend Thomas Pelham Dale*'s Case (1881) 6 QBD 376 (diikut)
15 *Lee Lee Cheng* v *Seow Peng Kwang* [1960] MLJ 1 (dirujuk)
16 *Quebec Railway, Light, Heat & Power Co* v *Vandry* [1920] AC 662 (dirujuk)
17 *Ditcher* v *Denison* [1857] 2 Moore 324 (dirujuk)
18 *Foong Yew Sack* v *Foong Yew Seng* [1968] 1 MLJ 219 (dirujuk)
19 *Daymond* v *South West Water Authority* [1976] AC 609 (diikut)
20 *PP* v *Koh Yoke Koon* [1988] 2 MLJ 301 (diikut)
21 *Koh Yoke Koon* v *Minister for Home Affairs, Malaysia* [1988] 1 MLJ 45
22 *Tan Hoon Seng* v *Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor* [1990] 1 MLJ 171 (diikut)

Gooi Hock Seng bagi pihak pemohon.
Balia Yusof bagi pihak responden.

Cur Adv Vult

Ahmad Fairuz PK: Ini adalah satu permohonan habeas corpus dalamana pemohon telah ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (selepas ini disebut 'Akta 316'). Perintah (di bawah s 6(1) Akta 316) yang menahannya ditandatangani pada 4 Jun 1987 dan mengikut perintah itu pemohon ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor selama dua tahun mulai 5 Jun 1987. Dari 28 Februari 1989 hingga 3 Mac 1989, pemohon telah dibawa ke Pulau Jerejak untuk menghadiri persidangan kajian semula oleh Lembaga Penasihat di bawah s 11 Akta 316. Persidangan itu diadakan pada 1 Mac 1989. Melalui perintah tahanan lanjutan (dibawah s 11A Akta 316) bertarikh 2 Jun 1989 jangka masa perintah tahanan bertarikh 4 Jun 1987 telah dilanjutkan selama satu tahun mulai 'sebaik sahaja jangka masa semasa tempoh perintah tahanan itu tamat', iaitu mulai 4 Jun 1989.

Peguambela pihak pemohon mempertikaikan kesahihan penahanan pemohon ini atas tiga alasan. Pertamanya, perkataan 'hari' dalam s 3(2)(c) Akta tersebut hendaklah dikira bermula daripada tengah malam dan bukan daripada masa pemohon ditangkap.

Mengikut afidavit ASP Razali bin Mustapa, pemohon ditangkap dan ditahan pada 7 April 1987 jam 12.20 petang. Syarat (a) kepada s 3(2) Akta 316 telah dipatuhi oleh ASP Razali seperti ternyata dari afidavitnya. Ini bererti tempoh 24 jam berakhir pada 8 April 1987, 12.20 petang. Affidavit ASP Razali seterusnya menunjukkan pemohon telah ditahan dengan kebenarannya melebihi 48 jam. Tempohmasa 48 jam berakhir pada 9 April 1987 jam 12.20 petang. Ini jelas adalah mengikut kehendak syarat-syarat (a) dan (b) kepada s 3(2) Akta 316. Bagaimanapun, syarat (c) kepada s 3(2) itu tidak menggunakan perkataan 'jam' tetapi mengguna perkataan 'hari'. Ditekankan oleh kedua-dua pemohon dan responden bahawa 'hari' tidak didefinasikan dalam Akta 316 atau Akta Interpretasi 1967. Justeru itu peguam pemohon menghujahkan bahawa 'hari' hendaklah dikira bermula daripada tengah malam. Bertitiktolak dari pengiraan ini, peguam menghujahkan bahawa 21 April 1987 bukanlah hari ke 14 tetapi hari ke 15. Kerana ini penahanan pemohon

adalah bukan mengikut undang-undang sebab s 3(2) tidak dipatuhi.

Jika hujah peguam benar, maka penahanan selepas 9 April 1987 jam 12.20 petang hendaklah bermula daripada tengah malam 10 April 1987. Tidak mungkin ianya bermula daripada tengah malam 9 April 1987 kerana itu bererti melanggari s 3(2)(b). Jika bermula daripada 10 April 1987 tengah malam, apakah pula yang terjadi kepada masa antara 12.20 petang 9 April 1987 hingga ke tengah malam 10 April 1987? Apakah pemohon perlu dibebaskan dan ditangkap semula pula kerana tiadanya peruntukan yang menghalalkan penahanan pada masa itu? Jika dibebaskan dan ditangkap semula pula, tidakkah ini akan bererti proses di bawah s 3(2)(a) dan (b) bermula semula?

Tanpa definasi 'hari' dalam Akta 316 dan Akta Interpretasi 1967, mahkamah akan mengambilkira kaedah terkenal bagi mahkamah-mahkamah perundangan yang menekankan bahawasanya perkataan-perkataan dalam Akta itu adalah digunakan dengan pengertian biasa dan untuk itu mahkamah perlu merujuk kepada kamus (*R* v *Peters*[1] di ms 641). Justeru itu dirujuk kepada *Kamus Dewan* (Cetakan 3) di ms 75 (lihat lampiran A), *The Shorter Oxford English Dictionary* (Edisi 2) di ms 491 dan 492 (lihat lampiran B), *Stroud's Judicial Dictionary* (Edisi 4) di ms 627 (lihat lampiran C) dan *Words And Phrases Legally Defined* (Edisi 2) di ms 14 dan 15 (lihat lampiran D). Penjelasan kandungan-kandungan lampiran-lampiran tersebut menunjukkan betapa tepatnya pengujaran Abdul Hamid HB (ketika itu), yang menekankan fakta bahawa kadangkalanya, adalah perlu untuk mentafsirkan makna perkataan-perkataan yang digunakan dalam Akta, bukan dengan hanya membaca perkataan-perkataan itu secara bersendirian tetapi dengan mengambilkira perkataan-perkataan lain yang terdapat di dalam seksyen itu. (Lihat *Siva Segara* v *PP*[2] di ms 97 (perenggan 17).) Dankwerts LJ dalam kes *Allen* v *Thorn Electrical Industries Ltd*[3] di ms 504 telah menyatakan bahawa sesuatu perkataan itu hendaklah diteliti dalam konteksnya demi untuk mengetahui makna sewajarnya. Sesuatu perkataan itu, tegasnya, tidak tegak bersendirian. Seperti yang diperkatakan oleh Viscount Dilhorne dalam kes *Black-Clawson International* v *Papierwerke AG*[4] di ms 622 bahawasanya bahasa Inggeris kekurangan dalam ketepatan maknanya dan kerana itu muncullah lebih dari satu tafsiran. Mahkamah ini sekata dengan Viscount Dilhorne dari sudut Bahasa Malaysia juga kerana pengetahuan dan pemahaman bahasa itu dengan sendirinya memperakui kewujudan ketidakjituan dalam bahasa. Justeru ini Lord Loreburn LC dalam kes *A-G* v *Till*[5] di ms 51 dan 52 mengulas bahawa dalam keadaan di mana terdapat pelbagai interpretasi kepada sesuatu seksyen maka adalah menjadi sebab yang kuat bagi mahkamah untuk tidak mengambilpakai sesuatu interpretasi tertentu jika sekiranya akibat interpretasi itu kelihatan tidak menasabah atau zalim (oppressive). Mahkamah akan selalu menggunapakai interpretasi yang menzahirkan sesuatu yang adil, menasabah dan waras (sensible) (*Holmes* v *Bradfield Rural District Council*[6] di ms 7 dan 8 dan mengelakkan interpretasi yang menghasilkan ketidakmenasabahan dan kesukaran (*Allen* v *Thorn Electrical Industries Ltd*[3] di ms 505). Hakim Arulanandon dalam kes *Yew Lean Finance Development (M) Sdn Bhd* v *Director of Lands and Mines, Penang*[7] di ms 47 menekankan bahawa salah satu daripada prinsip umum pentafsiran ialah perakuan suatu andaian yang menolak interpretasi yang akan mengakibatkan kesusahan (inconvenience), ketidakadilan, kemustahilan (absurdity) atau ketidakmenasabahan. Sehubungan dengan ini, mahkamah juga tidak mengalpakan kenyataan yang mahkamah hendaklah menggunakan pengetahuan umumnya dan akalbudi (common sense) dalam hal penafsiran khususnya berhubung dengan pengertian perkataan-perkataan biasa yang dalam penggunaan umum dalam Bahasa Inggeris seperti 'staircase', 'floor', 'steps', 'stairs', 'passages' (*Kimpton* v *The Steel Co of Wales Ltd*[8] di ms 280). Penggunaan akalbudi in juga diamalkan dalam penafsiran statut kesiksaan (*PP* v *Datuk Tan Cheng Swee*[9] di ms 176). Dalam hal ini mahkamah tidak mendapati sebab kenapa 'hari' tidak dapat dikatakan sebagai perkataan biasa dalam penggunaan umum.

Berasaskan taakulan dan berlatarbelakangkan kuasa perundangan kes-kes itu, bersiponganglah ketidakmenasabahan dalam penghujahan pihak peguam pemohon. Sayugia dititikberatkan penggunaan 'jam' dalam s 3(2)(a) dan (b) dan bahawasanya s 3(2)(a), (b) dan (c) adalah dalam syarat kepada s 3(2) itu. Kehadiran 'jam' itu dengan jelasnya menunjukkan tujuan dan maksud legislator dalam seksyen ini — iaitu tidak lain dan tidak bukan sebagai titik permulaan bagi pengiraan 'hari'. Malahan pelbagai pengertian yang terhurai dalam kamus-kamus yang dipetik dalam perenggan di atas menyokong pentafsiran yang beralaskan prinsip lojika ini. Kerana inilah mahkamah berpendapat pihak peguam kecundang mempertahankan penghujahannya itu.

Alasan kedua yang diutarakan oleh pihak peguambela ialah berkaitan dengan syor Lembaga Penasihat di bawah s 11. Berkenaan alasan ini peguam pemohon menyatakan yang perenggan 17(r) affidavit pemohon menunjukkan bahawa Lembaga Penasihat telah membuat syor kepada menteri supaya penahanan pemohon itu dilanjutkan. Perenggan 6 affidavit Timbalan Menteri Dalam Negeri mengesahkan ini. Fakta-fakta ini mengikut peguam pemohon menunjukkan bahawa lembaga itu membuat sesuatu keputusan yang lembaga itu tidak mempunyai kuasa untuk membuatnya, kerana s 11(4) hanya memberi kuasa bagi lembaga itu membuat syor untuk meneruskan penahanan dan bukan untuk melanjutkan tahanan. Justeru itu pihak peguam pemohon telah merujuk kepada ms 537 dan 538 buku tulisan MP Jain bertajuk *Administrative Law of Malaysia and Singapore* (Edisi 2) dalamana terdapat prinsip undang-undang yang menunjukkan bahawa tindakan yang dilakukan oleh Lembaga Penasihat dalam kes ini adalah satu 'nullity'. Seterusnya diujarkan oleh peguam bahawa

kerana 'nullity' itulah makanya tidak boleh dihujahkan yang kajian semula (review) telah diadakan, dan kerana tidak ada kajian semula maka tahanan di masa itu iaitu tahanan sebelum pihak menteri membuat tahanan lanjut adalah tidak sah. Pihak peguam juga telah merujuk kepada kes *Anisminic* v *Foreign Compensation Commission*.[10] Pihak peguam kanan persekutuan pula menonjolkan kes *Chua Teck*[11] iaitu suatu kes Mahkamah Agung dalamana perkara Lembaga Penasihat membuat syor perlanjutan perintah penahanan juga telah dibangkitkan.

Dalam kes *Chua Teck*,[11] Mahkamah Agung mempertimbangkan perkara syor Lembaga Penasihat ini dari sudut tindakan menteri melanjutkan perintah penahanan. Tidak terdapat di dalam penghakiman itu sebarang penganalisaan atau pengkritikan oleh Mahkamah Agung berkenaan kesan tindakan lembaga itu ke atas tahanan selepas tarikh kajian semula hingga ke tarikh bermulanya perintah lanjutan — khususnya dari sudut tahanan itu sah ataupun tidak.

Kes *Anisminic*[10] dengan tegasnya menyenaraikan beberapa keadaan yang boleh menyebabkan keputusan sesuatu tribunal menjadi tidak sah (sungguh pun senarai itu bukan sesuatu yang menyeluruh (exhaustive)). Antara keadaan itu ialah keadaan apabila tribunal itu membuat suatu keputusan yang bukan dalam bidangkuasanya untuk membuatnya. Suatu lagi keadaan ialah apabila tribunal itu telah menyalahtafsirkan peruntukan-peruntukan yang memberinya kuasa untuk bertindak sehinggakan ianya telah gagal memperkatakan berkenaan persoalan yang dikemukakan kepadanya dan memutuskan persoalan yang tidak dikemukakan kepadanya (sila lihat di ms 213 dan 214). Kedua-dua keadaan-keadaan ini adalah cukup untuk menunjukkan betapa Lembaga Penasihat telah melangkaui bidang tugasnya di bawah s 11(4) dan kerana itu jelas sekali tindakan Lembaga Penasihat adalah tidak sah. Perbuatan yang melanggari s 11(4) ialah perbuatan mengesyorkan supaya penahanan Pemohon dilanjutkan manakala Lembaga Penasihat hanya berkuasa mengesyorkan penerusan penahanan itu sahaja. Justeru itu tindakan kajian semula oleh Lembaga Penasihat itu adalah tidak sah. Kerana ini penahanan pemohon seterusnya sehingga ke detik bermulanya perintah lanjutan adalah akibat ketidakpatuhan s 11(4). Ini bererti tidak mengikut undang-undang (not in accordance with law) dan oleh itu penahanan itu turut menjadi tidak sah. Rumusan ini adalah sejajar dengan perakuan bahawa penahanan pencegahan adalah suatu pencerubuhan serius kepada kebebasan persendirian. Maka kerana ini beberapa *perlindungan-perlindungan* yang diperuntukkan oleh undang-undang untuk melindungi individu hendaklah dipatuhi secara cermat dan teliti. Apabila tuntutan-tuntutan statut perlu dipatuhi maka pematuhan tegas (strict) hendaklah diberi kerana ianya menyentuhi perkara-perkara penting yang asas seperti kebebasan individu (*Re Tan Boon Liat*[12]). Berkaitan aspek ini, Rigby J dalam kes *Ex p Johannes Choeldi*[13] menyatakan bahawa seseorang pemohon untuk writ habeas corpus adalah berhak untuk memperolehi faedah bagi dirinya dari sebarang kecacatan teknikal yang boleh membatalkan perintah yang melucutkan kebebasannya. Seterusnya hakim itu menekankan bahawa sesuatu penahanan itu adalah tidak baik jika penahanan itu tidak mengikut undang-undang (not in accordance with law) dan kerana itu orang yang ditahan adalah berhak untuk dengan serta-mertanya dibebaskan. Sehubungan dengan ini wajar juga diambilingat akan pemerhatian Brett LJ dalam kes *The Reverend Thomas Pelham Dale*[14] di ms 461, 469 dan 470 yang menyatakan bahawa adalah menjadi kaedah umum, yang telah selalunya diamalkan oleh mahkamah-mahkamah England, jika mana-mana orang meyebabkan seseorang lain dipenjara, maka orang yang menyebabkan pemenjaraan itu mestilah berhati-hati mengambil tindakan-tindakan yang pada keseluruhannya teratur, dan bahawasanya apabila ia gagal mematuhi setiap satu langkah dalam proses itu dengan sangat teratur, maka mahkamah tidak akan membenarkan pemenjaraan itu berterusan. Kes *The Reverend Thomas Pelham Dale*[14] ini dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Re Tan Boon Liat*.[12] Dalam kes *Reverend Thomas*[14] ini juga, Cotton LJ pula menekankan yang apabila seseorang menyebabkan seseorang lain dipenjarakan, maka mereka yang menyebabkan pemenjaraan itu hendaklah mengikuti dengan tegasnya (strictly) kuasa-kuasa di bawah mana mereka bertindak. Jika tidak, orang yang dipenjarakan itu boleh dibebaskan walaupun butir-butir ketidakpatuhan mereka itu adalah hanya pada bentuknya sahaja (mere form).

Berbalik kepada hujah peguam, perlu diperhatikan bahawa apa yang dianjurkan oleh pihak peguam pemohon ialah fakta pihak lembaga dalam membuat pengesyorannya tidak mematuhi peruntukan s 11(4) yang memerlukan pihak Lembaga melapurkan kepada menteri berkenaan samada tahanan itu patut diteruskan. Apa yang didapati daripada keterangan-keterangan dalam afidavit-afidavit ialah kenyataan yang pihak lembaga telah mengesyorkan supaya tahanan itu dilanjutkan dan bukan diteruskan. Ini adalah suatu ketidakpatuhan s 11(4) itu.

Perkataan 'diteruskan' terdapat dalam s 11(4). Perkataan 'dilanjutkan' terdapat dalam s 11A(1). Seksyen 11(4) sebelum dipinda oleh Akta A629 mengandungi perkataan-perkataan 'diteruskan atau dilanjutkan'. Bagaimana pun Akta A629 telah memansuhkan perkataan 'dilanjutkan'. Juga Akta A629 memasukkan s 11A. Dan s 11A tidak mengandungi perkataan 'diteruskan'.

Dengan pemansuhan perkataan 'dilanjutkan' oleh Akta A629, sukarlah untuk dinafikan bahawa Parlimen tidak bermaksud sebarang tindakan yang mengakibatkan perlanjutan penahanan. Maka kerana itulah Parlimen menggugurkan perkataan 'dilanjutkan' yang terdapat dalam s 11(4). Kedua-dua perbuatan Parlimen dilakukan dalam Akta A629 dan berkuatkuasa pada 18 Disember 1985. Justeru itu tidaklah mungkin perkataan 'diteruskan'

mempunyai pengertian yang sama dengan 'dilanjutkan'. Ini adalah selaras dengan apa yang ditegaskan oleh Thomson CJ dalam kes *Lee Lee Cheng* v *Seow Peng Kwang*[15] di ms 3 iaitu perkataan-perkataan yang berlainan yang diguna di dalam statut adalah merujuk kepada perkara-perkara yang berlainan juga. Ini mengikut Thomson CJ adalah jelas dan terang tanpa keperluan bukti (axiomatic). Lagi pula kes *Quebec Railway, Light, Heat & Power Co* v *Vandry*[16] di ms 676 memperihalkan bahawa pihak legislator adalah dianggap tidak menggunakan perkataan-perkataan secara sia-sia. Kes *Ditcher* v *Denison*[17] pula mengutarakan suatu kaedah umum yang baik dalam ilmu hukum (jurisprudence) iaitu orang yang membaca sesuatu dokumen undang-undang hendaklah dari mulanya lebih cenderung kepada pengandaian bahawa sesuatu perkataan itu adalah bertujuan mempunyai sesuatu kesan atau sesuatu guna. Kes *Ditcher*[17] ini dirujukpakai oleh kes *Foong Yew Sack* v *Foong Yew Seng*.[18]

Bertitiktolak dari kuasa-kuasa perundangan kes di atas dan juga yang dihuraikan dalam perenggan di atas [lihat ms 57 perenggan yang bermula dari baris D, kolum kiri], mahkamah beredar kepada pengesanan makna perkataan 'diteruskan'. Dalam hal ini mahkamah ambil ingatan akan prinsip biasa (common place) iaitu bahawasanya makna sesuatu peruntukan itu adalah diperolehi daripada penelitian sesuatu statut itu pada keseluruhannya (*Daymond* v *South West Water Authority*[19] di ms 651). Justeru itu diharungi seluruh Akta 316 dan didapati perkataan 'diteruskan' ini juga digunakan dalam s 1(3), s 6(4), s 6(6), s 6A(a)(ii), s 7(4) manakala perkataan 'dilanjutkan' terdapat digunakan juga dalam s 1(4) dan s 8(b). Diteliti seksyen-seksyen ini seiringan dengan pengertian-pengertian kedua-dua perkataan itu (seperti dalam Lampiran E) tersembullah tanpa keperluan ulasan atasnya perbezaan antara kedua-dua perkataan itu. Dengan ertikata yang lain dalam konteks kes pemohon, seperti ternyata dalam s 1(3) dan (4) khususnya, makanya perkataan 'diteruskan' dalam s 11(4) itu adalah berkaitan dengan tahanan di bawah s 6. Ini bererti tindakan penerusan itu ialah untuk baki tempoh masa yang diliputi oleh perintah dibawah s 6 itu. Dalam kes pemohon ini, tempoh masa itu ialah tempoh masa selepas 1 Mac 1989 hingga ke tarikh akhir perintah tahanan bertarikh 4 Jun 1987 berkuatkuasa. Tarikh 1 Mac 1989 ialah tarikh bila Lembaga Penasihat membuat kajian semula atas kes pemohon. Sebarang tafsiran yang lain akan membawa erti penyambungan dari mulanya saat akhir perintah atas pemohon itu yang ternyata adalah suatu tindakan perlanjutan. Maka kerana inilah mahkamah tegap berpendirian bahawa Lembaga Penasihat hanya boleh menimbangkan perkara penerusan penahanan dan bukan perlanjutannya. Bertepatan dengan kuasa perundangan kes yang dirujuk di atas tindakan Lembaga Penasihat itu adalah suatu pembatalan (nullity). Kerana ketidakpatuhan kepada s 11(4) oleh Lembaga Penasihat ini, makanya telah berlaku suatu pencerobohan pada peruntukan-peruntukan perlindungan yang dibuat bagi faedah mereka yang dikenakan penahanan pencegahan. Kerana itu, seperti yang dihuraikan di atas berkenaan kes *Re Tan Boon Liat*,[12] penahanan pemohon pada dan selepas tarikh terakhir untuk kajian semula oleh Lembaga Penasihat patut dibuat menjadi tidak sah.

Berhubung dengan kes *Re Tan Boon Liat*[12] ini wajar sekali diketengahkan fakta yang di dalam kes itu pihak Lembaga Penasihat telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya dalam tempoh masa yang diperuntukkan dalam undang-undang. Dalam kes pemohon ini, Lembaga Penasihat tidak melakukan sesuatu yang diperlukan oleh peruntukan undang-undang, iaitu s 11(4) (akibat dari itu tindakannya menjadi suatu pembatalan). Jelas pada prinsip dan matannya perbuatan Lembaga Penasihat dalam kes pemohon ini adalah lebih kurang sama dengan yang berlaku dalam kes *Re Tan Boon Liat*.[12] Dan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Re Tan Boon Liat*[12] menyatakan yang Lembaga Penasihat dengan sebab itu telah tidak bertindak mengikut undang-undang. Seterusnya Mahkamah Persekutuan mengulangi penekanan atas kepentingan pematuhan tegas (strict) dengan kehendak-kehendak Pelembagaan dan undang-undang yang merampas kebebasan persendirian. Ketidakpatuhan tegas bukan sahaja, mengikut Mahkamah Persekutuan, mempunyai kesan kepada kebebasan tetapi juga menyebabkan penahanan seterusnya tidak sah di sisi undang-undang (unlawful). Lalu dengan taakulan inilah mahkamah ini berpendapat bahawa penahanan pemohon mulai dari tarikh akhir bilamana Lembaga Pernasihat perlu mengadakan kajian semula hingga ke tarikh akhir perintah tahanan di bawah s 6 itu adalah tidak sah. Dan berasaskan kes *PP* v *Koh Yoke Koon*[20] dan kes *Koh Yoke Koon* v *Minister for Home Affairs, Malaysia*,[21] mahkamah ini berpendapat yang perintah tahanan lanjutan bertarikh 2 Jun 1989 tidak berkesan dari sudut undang-undang untuk menahan pemohon. Masakan tidak manakala yang dilanjutkan oleh perintah tahanan lanjutan itu ialah perintah tahanan bertarikh 4 Jun 1987 yang tiga bulan terakhir daripada tempoh masa dua tahun perintah tanahan itu adalah tidak sah.

Beredar kepada alasan ketiga yang dibangkitkan oleh pihak pemohon iaitu berkenaan dengan ketidakpatuhan kepada s 16, affidavit pemohon menyatakan yang beliau telah dibawa ke Tempat Tahanan Pulau Jerejak pada 28 Februari 1989 untuk menghadiri persidangan kajian semula oleh Lembaga Penasihat pada 1 Mac 1989. Dalam perenggan 17(p) afidavitnya, pemohon menyarankan yang pemindahannya ke Pulau Jerejak adalah tanpa kuasa perundangan yang betul. Affidavit responden pula menunjukkan yang En Hashim bin Jani, seorang Penguasa Kanan di Pusat Pemulihan Muar, telah membenarkan pemohon dibawa ke Pulau Jerejak dari 28 Februari 1989 hingga 3 Mac 1989. Persoalan kini ialah adakah ini bertentangan dengan Akta 316?

Dari sudut s 16 Akta 316, adalah jelas yang pemohon ketika dibawa ke Pulau Jerejak adalah orang tahanan di bawah s 6(1). Juga jelas dari afidavit-afidavit dan s 11(1) Akta 316 bahawa kehadiran pemohon di Pulau Jerejak adalah dikehendaki demi kepentingan pemohon sekurang-kurangnya jika pun bukan 'demi kepentingan keadilan atau bagi maksud apa-apa siasatan awam atau siasatan lain'. Maka kerana fakta-fakta ini s 16 membolehkan menteri mengeluarkan perintah supaya pemohon dibawa ke Pulau Jerejak. Seterusnya s 16(2) menyatakan bahawa pematuhan s 16(1) akan menyebabkan pemohon disifatkan sebagai berada dalam jagaan yang sah. Keterangbenderangan perbahasaan s 16 adalah ketara. Sehubungan dengan ini, mahkamah ini juga mengambilingat akan kaedah 9(1) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Khas Pencegahan) (Peraturan Lembaga Penasihat) 1987. Seperti ditegaskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *PP* v *Koh Yoke Koon*[20] kuasa-kuasa perundangan kes berlimpahan menekankan fakta yang peruntukan-peruntukan undang-undang berkenaan penahanan mesti ditafsirkan dengan penuh ketegasan (must be construed strictly) dan jika timbul sebarang kewaswasan, mahkamah hendaklah cenderung ke arah rakyat. Maka atas sebab-sebab inilah makanya mahkamah ini berpendapat yang responden telah tidak mematuhi kehendak s 16 ini dan oleh sebab itu penahanan pemohon dari 28 Februari 1989 hingga 3 Mac 1989 adalah tidak sah. Justeru itu dan kerana kuasa-kuasa perundangan kes berserta taakulan yang telah dihuraikan di atas (khususnya di kedua-dua ayat-ayat akhir perenggan di atas [perenggan pertama di kolum kanan ms 59; sila lihat antara baris F dan H]), pemohon wajarlah dibebaskan dengan serta merta kerana perintah tahanan lanjutan bertarikh 2 Jun 1989 tidak berkemampuan dari sudut undang-undang untuk menahan pemohon. Masakan tidak manakala perintah tahanan lanjutan itu melanjutkan perintah tahanan bertarikh 4 Jun 1987 yang tidak sah tempoh kuatkuasanya dari 28 Februari 1989 hingga 3 Mac 1989.

Pihak responden juga menghujahkan kononnya ada delegasi kuasa oleh menteri dalam hal ini. Malangnya perkara delegasi ini tidak tersebut di mana-mana dalam afidavit-afidavit responden; begitu juga tidak dikemukakan oleh responden warta-warta yang relevan berkaitan dengan delegasi ini. PU(B) 194/1979 yang dikemukakan oleh responden tidak menyokong apa-apa dalam afidavit-afidavit responden. Tidak terdapat di dalam mana-mana afidavit bahawa Penolong Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah memerintah pemohon dibawa ke Pulau Jerejak di bawah s 16. Pihak responden juga mengemukakan PU(B) 195/1979. Jelas dari PU ini bahawa yang didelegasikan ialah kuasa membawa orang-orang tahanan ke hospital/klinik untuk rawatan doktor. Justeru itu kedua-dua PU itu tidak relevan dalam kes pemohon. Selain daripada ini pihak responden juga merujuk kepada s 23. Malangnya pihak responden tidak menunjukkan arahan-arahan yang relevan untuk pertimbangan mahkamah ini; apatah lagi kebisuan seribu bahasa dalam afidavitnya. Begitu juga halnya dengan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan relevan yang disebut dalam s 23. Jelas sekali hujah responden atas perkara ini dimamah kekosongan.

Akhir sekali pihak peguambela telah membangkitkan perkara perintah yang diserahkan ke atas pemohon, iaitu perintah bertarikh 4 Jun 1987. Pihak pemohon telah merujuk kepada s 6(1) dalamana ditegaskan yang pihak menteri 'boleh jika dia berpuashati bahawa bagi kepentingan ketenteraman awam' seseorang itu 'perlu ditahan, melalui perintah mengarahkan supaya orang itu ditahan selama satu tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh perintah itu'. Pemohon seterusnya mengajukan fakta yang perintah yang menahan pemohon itu bertarikh 4 Jun 1987 manakala perintah itu mengarahkan Pemohon ditahan selama dua tahun mulai 5 Jun 1987. Kerana itu penahanan pemohon adalah tidak sah.

Berkenaan hujah akhir ini, mahkamah ini adalah tertakluk pada keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Tan Hoon Seng* v *Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor*[22] yang memutuskan berkenaan perkara yang pari materia dengan kes pemohon. Dalam kes di hadapan Mahkamah Agung, perintah-perintah menahan perayu-perayu dalam kes itu bertarikh 8 Januari 1987 manakala perintah-perintah itu mengarahkan tahanan-tahanan mereka bermula daripada 11 January 1987. Kerana ini Mahkamah Agung berpendapat tahanan-tahanan itu tidak mengikut undang-undang dan justeru itu telah membenarkan writ habeas corpus dikeluarkan serta merta. Oleh demikian atas hujah ini pun mahkamah ini berpendapat pemohon berhak untuk mendapat writ habeas corpus dikeluarkan — khususnya kerana kes-kes dan taakulan dalam kedua-dua ayat akhir perenggan pertama di kolum kanan ms 59. Kemenasabahan perintah tahanan lanjutan bertarikh 2 Jun 1989 berkesan dari sudut perundangan untuk menahan pemohon turut hancur lebur dengan terluluhencernya perintah tahanan bertarikh 4 Jun 1987 dalam alam ketidaksahannya.

Berasaskan penghujahan-penghujahan dan taakulan-taakulan yang dihuraikan dalam perenggan-perenggan sebelum ini, mahkamah berpendapat penahanan pemohon adalah tidak mengikut undang-undang dan oleh sebab itu mengeluarkan serta merta writ habeas corpus dan membebaskan pemohon daripada tahanan.

Permohonan dibenarkan.

Peguamcara: *Shan & Gooi.*

Dilapurkan oleh *Neoh Lay Choo*